

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1976**

**PENYAKSIAN (ATTESTATION) SURAT-SURATCARA
URUSAN YANG DIBUAT DI SARAWAK DAN SABAH
BAGI TANAH-TANAH DALAM KAWASAN SIMPANAN
MELAYU DI NEGERI SELANGOR**

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-Pendaftar Hakmilik dan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah berkenaan dengan penyaksian (attestation) Surat-Surat cara urusan Tanah dalam kawasan Simpanan Melayu. Menurut peruntukan Part 11 yang baru dipinda di Jadual Kelima kepada Kanun Tanah Negara tiap-tiap suratan urusan yang melibatkan tanah dalam kawasan Simpanan Melayu hanya boleh disaksikan (attestation) oleh Pemungut Hasil Tanah sahaja. Pemungut yang dimaksudkan ini ialah Pemungut (Collector) yang bertugas di Semenanjung Malaysia. Mana-mana suratcara yang tidak disaksikan oleh Pemungut Hasil Tanah adalah tidak layak didaftarkan dan ianya hendaklah ditolak.

2. Pendaftar-Pendaftar Hakmilik dan Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa suratcara urusan yang disaksikan oleh yang berkenaan di Negeri Sarawak dan Sabah untuk didaftarkan di Negeri Selangor bagi tanah dalam kawasan Simpanan Melayu hendaklah ditolak pendaftarannya.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL. PT. 1 (16)

KUALA LUMPUR
8HB JANUARI 1976